

PEPERIKSAAN GANTIAN

Syarat-Syarat Peperiksaan Gantian:

- i. Pelajar perlu mengemukakan permohonan untuk menduduki Peperiksaan Gantian dalam tempoh 7 hari selepas sesuatu peperiksaan bagi kursus yang pelajar tidak hadir (*Kegagalan untuk berbuat demikian akan dianggap bahawa ianya tidak mempunyai sebarang alasan yang sah & berkemungkinan ianya diberi gred 'F' bagi kursus tersebut.*).
- ii. Pelajar mestilah mempunyai Sijil Cuti Sakit dari PKU/Hospital Kerajaan atau Sijil Cuti Sakit dari Klinik Swasta.
- iii. Hanya satu (1) Sijil Cuti Sakit sahaja yang dibenarkan. Di dalam kes-kes tertentu, lebih daripada satu (1) Sijil Cuti Sakit boleh dipertimbangkan. Tempoh sah Sijil Cuti Sakit ialah satu (1) minggu dari tarikh peperiksaan.
- iv. Pelajar yang bersalin dalam minggu peperiksaan adalah layak mendapat Cuti Sakit selama 2 minggu dari tarikh pelajar bersalin.
- v. Pelajar yang kematian saudara terdekat (ibu, bapa, saudara kandung, isteri, suami, anak & lain-lain) hanya diberikan (3) tiga hari sahaja tempoh pelepasan untuk semua kaum & hendaklah disertakan salinan Sijil Kematian saudara tersebut.
- vi. Kes-kes Mahkamah.
- vii. Pelajar yang mempunyai kes-kes lain hendaklah majukan surat permohonan untuk menduduki Peperiksaan Gantian kepada Dekan Pusat Pengajian Kolej, bagi mendapatkan kelulusan untuk melayakkan diri menduduki peperiksaan tersebut.
- viii. Pelajar yang **TIDAK HADIR** Peperiksaan Gantian yang telah diluluskan, tidak akan dipertimbangkan untuk menduduki peperiksaan ini bagi kali kedua (merujuk kepada pelajar yang menghadapi masalah kesihatan yang berpanjangan).
- ix. Gred F (gagal tidak bertebus) akan diberikan kepada pelajar yang tidak hadir Peperiksaan Gantian. Telah disahkan di dalam *Mesyuarat Senat ke 191 Bil. 5/2006 bertarikh 29 Jun 2006.*